

Pemindahan teknologi perlu pendekatan positif

1200 1 JUL 1994

Modal bukan halangan

Dr MAHATHIR MOHAMAD

Daripada A Nazri Abdullah

SAINT-NAZAIRE, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu semua pihak di Malaysia mengambil pendekatan positif terhadap pemindahan teknologi dan tidak menjadikan modal sebagai halangan.

Perdana Menteri berkata, negara maju bersedia memindahkan teknologi mereka dengan beberapa syarat tetapi sesetengah pihak di Malaysia tidak berminat kerana keuntungannya lambat.

"Pemindahan teknologi hanya berlaku apabila kedua-dua pihak berminat. Kalau negara penerima tidak berminat, maka tidak akan berlaku pemindahan teknologi," katanya dalam sidang akhbar di sini selepas mengakhiri lawatan rasmi ke Perancis.

Beliau mengakhiri dua hari terakhirnya di negara ini dengan menghadiri taklimat dan melawat kilang-kilang industri berteknologi tinggi seperti kilang Airbus dan Aero Spatiale di Toulouse serta limbungan kapal Perancis, Chantiers de Atlantique, di sini.

"Peralatan komposit mempunyai potensi yang besar untuk industri kapal terbang, bot dan rumah. Malaysia memerlukan teknologi ini," katanya.

Peralatan komposit adalah sejenis bahan yang lebih kukuh daripada besi tetapi ringan. Bahan ini tidak mudah terbakar dan kini digunakan untuk industri kapal terbang.

Mengenai hasil lawatannya ke Perancis, Dr Mahathir berharap hubungan di antara kedua-dua negara, khususnya di kalangan ahli perniagaan, akan ditingkatkan selepas ini.

"Umumnya saya berpendapat lawatan ini berjaya. Dalam perbincangan dengan pemimpin kerajaan dan ahli perniagaan Perancis, mereka menunjukkan minat untuk meningkatkan perdagangan dan kerjasama dengan Malaysia," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, Kerajaan Perancis bersetuju menghapuskan visa untuk rakyat Malaysia yang melawat Perancis. Bagaimanapun beliau berkata, kerajaan bim-

Dr Mahathir berkata, rakyat Malaysia boleh menguasai apa sahaja teknologi tinggi termasuk teknologi angkasa lepas kerana teknologi bukanlah suatu perkara yang ajaib.

"Yang penting mesti ada minat. Kalau kita hendakkan kerja yang mudah, tak perlu keluar modal tapi dapat untung cepat, sampai bilapun kita akan jadi bangsa yang lemah.

"Modal bukanlah masalah. Modal kecil untuk teknologi kecil, tetapi yang penting kita mesti mempunyai minat. Jangan jadikan modal sebagai alasan," tegas beliau.

Menurut Perdana Menteri, banyak cadangan diterima dari Perancis, Britain dan Amerika untuk memindahkan teknologi membuat peralatan komposit bagi kapal terbang dan bersedia melabur dalam bidang ini.

bang jika rakyat Malaysia menyalahgunakan kemudahan ini.

"Saya bimbang nanti ada rakyat Malaysia yang salah guna kemudahan datang ke Perancis untuk bekerja dan timbulkan masalah kepada Kerajaan Perancis. Jika ini berlaku, ianya akan menimbulkan masalah kepada masyarakat Malaysia yang lain.

"Jepun dulu tidak mengenakan visa dan kemudahan ini disalahgunakan oleh rakyat Malaysia sehingga kerajaan meminta Jepun mengenakan semula visa kepada rakyat Malaysia," katanya.

Ditanya reaksi beliau mengenai kematian Presiden Korea Utara, Kim Il-Sung, Dr Mahathir berkata:

"Saya tidak nampak membawa kesan yang banyak. Mungkin ada pergolakan sedikit dan ini perkara biasa."